

# UMS Anjur program selangkah ke menara gading

Oleh: Marni Tahir

ISNIN, 1 APRIL - Care for Sabah ‘Selangkah Ke Menara Gading’ satu lagi program Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang memberi peluang kepada masyarakat Sabah khususnya untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Program anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS dan Pejabat Parlimen P.174 Penampang itu telah berlangsung selama sehari dan dirasmikan oleh YB Tan Sri Datuk Bernard Giluk Dompok bagi Zon Penampang.

Program bertujuan untuk memperkenalkan kepada masyarakat tentang kewujudan UMS sebagai gedung ilmu yang banyak menawarkan pelbagai bidang untuk diceburi bagi merealisasikan wawasan negara menjadikan rakyat Malaysia yang berpengetahuan luas.

“Saya berpendapat bahawa program



Pelajar bersama Bernard Giluk Dompok pada Majlis Care for Sabah ‘Selangkah ke Menara Gading’ di Penampang

seperti ini semestinya memberi impak kepada masyarakat ini,” menurut Bernard Giluk Dompok.

Selain tetamu jemputan dan penduduk tempatan, program ini turut melibatkan beberapa pelajar UMS bagi menjayakannya.

Program yang bertempat di Buhavan Square Donggongan Penampang itu melibatkan beberapa pengisian antaranya Kempen Kesihatan, Derma Darah dan Pameran dari pihak UMS sendiri.